

# INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI DI DALAM SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN: KAJIAN PELAKSANAAN PENGURUSAN KONVENSIONAL DAN PENGURUSAN ISLAM

Rozaimi Kamarudin<sup>1</sup>, Al Uyuna Mohd Amin<sup>2</sup>, Mohd Saifullah Zulkapli<sup>3</sup>, Syafaat Sapari<sup>4</sup>

*Kertas kerja ini dibentangkan dalam Seminar PRAGMATIS USIM 2.0, anjuran PRAGMATIS USIM, Bandar Baru Nilai, MALAYSIA:14 & 15 Mac 2017.*

## Abstrak

*Pengurusan merupakan salah satu aspek penting yang diberikan penekanan dalam pembangunan dan kemajuan sesebuah organisasi melibatkan proses perancangan, pengagihan tugas kakitangan, pembuatan keputusan, dan pengawalan operasi organisasi. Penerimaan model pengurusan masakini adalah lebih kepada teori pengurusan konvensional yang hanya merujuk kepada rasional akal pemikiran manusia dalam menghuraikan fakta, kaedah dan fenomena semasa yang diketengahkan dalam mencapai matlamat pembangunan pengurusan organisasi. Oleh yang demikian sistem pengurusan konvensional yang dilaksanakan adalah perlu ditambahbaik dengan mengintegrasikan Ilmu Naqli dan Aqli bagi mewujudkan pengurusan yang seimbang dan berasaskan syariah sekaligus menghasilkan kualiti dan budaya kerja yang sempurna (syumul). Kajian ini dijalankan ke atas beberapa kakitangan pentadbiran Universiti dan kakitangan keselamatan di USIM. Objektif kajian adalah untuk menganalisis pelaksanaan budaya kerja dan pengurusan pentadbiran secara konvensional atau terdapat elemen syariah di jabatan keselamatan USIM. Kajian ini mensasarkan wujudnya satu kerangka model ke arah mewujudkan tadbir urus Keselamatan berdasarkan integrasi Naqli dan Aqli di USIM.*

**Kata kunci :** Integrasi Ilmu Naqli Aqli, Pengurusan Konvensional, Pengurusan Islam

## PENGENALAN ILMU NAQLI AQLI

Ilmu di dalam Islam merangkumi kepercayaan, cara hidup manusia dan tatacara serta pengisian kejiwaan manusia melalui tiga aspek iaitu *aqidah*, *shariah* dan *akhlaq*. Justeru, ilmu adalah sentiasa relevan dalam Islam dan tamadunnya. Ketiga-tiga aspek *aqidah*, *shariah* dan *akhlaq* tersebut bertunjangkan kepada wahyu yang diturunkan di dalam Al-Quran dan Sunnah. Aspek wahyu ini membentuk komponen ilmu *naqli*. Islam menggalakkan penghuraian kepada nas-nas di dalam Al-Quran dan Sunnah melalui penggunaan akal, selagi ia selari dengan tuntutan dan menjauhi larangannya. Justeru, penggunaan akal melalui *ijmak*, *qiyas* dan kaedah-kaedah pengeluaran hukum (*istinbat*) yang lain seperti *istihsan*, *masalah mursalah* dan *sadd zarai' dharaei* memainkan peranan yang amat besar di dalam jurispruden perundangan Islam. Pengemblengan di antara ilmu *naqli* dan

1 Jabatan Keselamatan, Universiti Sains Islam Malaysia (rozaimi@usim.edu.my)

2 Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (uyuna@usim.edu.my)

3 Pejabat Naib Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia (saifullah@usim.edu.my)

4 Pusat Perancangan Korporat dan Pengurusan Kualiti, Universiti Sains Islam Malaysia (syafaat @usim.edu.my)

*aqli* di dalam Islam telah menjadikan agama Islam sebuah agama yang sentiasa dapat menjawab permasalahan semasa dan perkembangan manusia. Ilmu 'baru', 'moden' atau 'kontemporari' yang dilabelkan dalam pengkelasan ilmu moden pada asasnya sudah termasuk di dalam pengertian 'ilm di dalam Islam. Ilmu biologi, geografi, perubatan mempunyai asas di dalam al-Quran. (Salleh, 2015)

Justeru, Al-Quran, As-Sunnah dan sumber ilmu daripada penggunaan akal merupakan dasar fundamental penagak peradaban Islam dan menjadi sumber rujukan utama kepada umat manusia. Dengan adanya tuggak utama ini, maka mantaplah sesuatu pentadbiran dan organisasi dengan adanya gabungan elemen-elemen hebat ini. Sesebuah pentadbiran dan pengurusan yang berpaksikan kepada disiplin Ilmu ini menunjukkan bahawa mereka adalah selari dengan kepatuhan Syariah sebagaimana yang telah disyariatkan oleh Allah S.W.T. Ilmu naqli dan aqli adalah methodologi pengajian Syariah. Ia adalah asas kepada perkembangan jurispruden syariah. Kaedah asas dalam penentuan hukum ialah dengan merujuk kepada Quran dan Sunnah. Di dalam pengajian Ilmu Fiqh, para fuqahā' mentakrifkan al-Syariah sebagai hukum-hakam yang diwahyukan oleh Allah kepada para Nabi untuk dibawakan kepada sekalian hambaNya. Dinamakan hukum-hukum tersebut syariah kerana ia suatu ajaran yang lurus dan disamakan kedudukannya seperti tempat aliran air kerana Syariah Islam menghidupkan jiwa dan akal manusia sebagaimana air menghidupkan tubuh badan. (Bharudin Che Pa, 2010).

Jelaslah bahawa panduan untuk manusia melaksanakan sistem pengurusan dan pentadbiran di dunia, yakni apabila Allah (s.w.t) telah menurunkan kitab suci melalui para nabi dan rasul. Hadis Rasulullah (s.a.w) daripada Abu Hurairah r.a. bahawa nabi bersabda: "Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang kamu tidak sekali-kali akan sesat selagi kamu berpegang teguh dengan keduanya, iaitu kitab Allah dan Sunnah Rasulullah (s.a.w) " (Riwayat Imam Malik r.a.).

## **KONSEP PENGURUSAN ISLAM DAN KONVENSIONAL**

Pengurusan konvensional diamalkan dengan begitu meluas di kebanyakan organisasi sarna ada yang berorientasikan keuntungan atau tidak. Diantara tokoh tokoh pengurusan konvensional yang dikenali kerana kecekapan terhadap pengurusan ini ialah McGregor, Henry Fayol dan lain-lain. Mereka ini dikenali kerana ketokohan dalam pengurusan, manakala negara-negara yang mengamalkan sistem pengurusan konvensional berkenaan menjadi model aspirasi negara lain. Sesuatu organisasi mempraktikkan aspek-aspek pengurusan konvensional ini akan disanjung jika berlaku kemajuan dan keuntungan dan tidak dihormati jika berlaku kegagalan dalam pengurusan.

Menurut Ilhaamie (2001), Pengurusan Konvensional, menyamakan agama islam sama seperti agama lain, iaitu memisahkan kepercayaan kepada tuhan daripada aspek kehidupan. Bagi konsep konvensional ianya menghadkan agama islam kepada perkara-perkara yang berkaitan ibadat sahaja seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji sedangkan dilihat konsep ibadat adalah luas. Hal ini membawa maksud dalam pengurusan konvensional mereka mengamalkan sebahagian sahaja ajaran

Islam dengan pandangan sebahagian lain diketepikan kerana sudah ketinggalan zaman serta beranggapan pengurusan konvensional adalah yang terbaik. Dalam pengurusan ini, ianya amat mementingkan kuasa, harta dan pangkat semata-mata tetapi melupakan yang sebenarnya agama Islam adalah agama yang lengkap (syumul) dan agama ini meliputi segala aspek kehidupan manusia.

Menurut Shaharom TM Sulaiman (1997), Pengurusan Konvensional melihat kakitangan atau pekerja sebagai “haiwan ekonomi” yang melaksanakan tugas semata-mata untuk menguntungkan organisasi bagi mencapai objektif organisasi dan pelaksanaan bagi mencapai sasaran tidak mengambilkira ianya berteraskan syariah atau tidak. Hal ini membawa maksud pengurusan ini tidak pernah membicarakan hakikat kejadian sebenar manusia di bumi ini.

Pengurusan Islam ianya menekankan kepada peranan manusia sebagai khalifah Allah di bumi ini dengan bermatlamat kehidupan di dunia adalah untuk mendapat keredaan serta kejayaan di dunia dan akhirat. Sebagaimana firman Allah dalam al-Dharlyat, ayat 56 yang berbunyi: *“Dan (ingat/ah) Aku tidak mencipta jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.”* Begitu juga dalam Surah al-An’am, ayat 162: *“Katakanlah: Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.”* Daripada ayat berkenaan ianya dirungkan bahawa segala perkara yang dilakukan adalah ibadat selagi ianya tidak melanggar dari hukum syara’.

Menurut Prof. Dr. Muammad ‘Abd al-Ra’iif (1987) Tauhid merupakan teras kepada akidah seseorang. Sebarang perlakuan dan tindakan, sarna ada melalui niat, perkataan atau perbuatan yang membesarkan selain daripada Allah SWT akan menjejaskan status sebagai seorang Islam yang beriman. Ini bermakna umat Islam perlu takut dan patuh sepenuhnya kepada Allah SWT sahaja. Manusia boleh menyembunyikan perbuatan mereka dari pengetahuan orang lain tetapi tidak dari pengetahuan Allah. Ini adalah kerana Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat akan perbuatan manusia Malaikat pula sedang mengira dan merekod segala perbuatan kita.

Dengan menghayati falsafah tauhid ini, umat Islam tidak akan berani untuk melakukan penyelewengan, kezaliman, kerosakan dan sebagainya kerana takut azab dan balasan Allah di Akhirat. Manakala dunia pula hanya bersifat sementara dan merupakan pinjaman dari Allah untuk persiapan hari Akhirat. Kekayaan dan kejayaan yang mereka dapat di dunia ini tidak dapat mereka bawa ke Akhirat melainkan pahala dan kebaikan mereka sahaja.

Umat Islam hendaklah sentiasa mengingati asal-usul kejadiannya iaitu dari setitik air yang hina. Namun begitu, manusia sering lupa akan kejadiannya, sombong, bongkak dan lupa akan adanya hari penilaian iaitu hari Akhirat. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna Allah menyuruh manusia meninggalkan hal-hal keduniaan dan menumpukan seratus-peratus kepada ibadat. Islam menganjurkan perseimbangan antara dunia dan akhirat iaitu kejayaan di dunia dan Akhirat. Ini bermakna umat Islam tidak akan berjaya tanpa pertolongan orang lain. Begitu juga

mereka diharuskan menolong orang lain bagi kemuslihatan masyarakat umum. Mereka tidak dibenarkan untuk menindas dan berlaku zalim kepada umat Islam lain. Andainya, konsep hubungan antara manusia ini diketepikan.

Menurut Prof. Dr. Muammad 'Abd al-Ra'iif (1987) pengurusan Islam mempunyai dua matlamat iaitu jangka panjang (matlamat utarna) dan jangka pendek. Matlamat jangka panjang umat Islam ialah untuk mendapat keredaan Allah. Ini dapat dilakukan dengan beribadat kepada Allah dalam berbagai-bagai pelaksanaan, sama ada secara formal atau tidak. Sementara itu matlamat jangka pendek ialah produktiviti, iaitu mendapat hasil-hasil yang diinginkan dalam mana-mana bidang. Matlamat jangka pendek ini perlu konsisten dengan matlamat jangka panjang. Sekiranya dalam mencapai matlamat jangka pendek seseorang itu melanggar hukum syara' dengan melakukan perkara-perkara haram dan tidak bermoral, maka ia tidak akan mencapai matlamat jangka panjang iaitu untuk mendapat keredaan Allah SWT.

## USIM KAMPUS BARAKAH

Sejajar dengan nilai-nilai teras USIM iaitu Profesional, Efisyen, Alamiyyah (Global), Amanah dan Muafakat untuk menjadi seorang yang Al-Qawiyy dan Al-Amin, USIM perlu ke arah kampus barakah yang bermaksud "*kebaikan yang bertambah banyak, berkembang, tetap dan berterusan*". Amanat Naib Canselor 2017 yang bertemakan Kampus USIM : Kampus Barakah jelas menunjukkan hasrat Naib Canselor agar warga USIM menerapkan kebaikan di dalam diri, istiqamah dan dapat dimanfaatkan kepada masyarakat sekeliling agar keberkatan yang diperolehi dikongsikan secara bersama demi memperkasakan umat Islam di dunia. USIM merupakan universiti awam yang berbidang bitarakan integrasi ilmu Naqli dan Aqli di mana elemen konvensional disebatikan dengan elemen Islami yang menjadikan sesuatu itu mempunyai roh. Kalimah Barakah disebut sebanyak 32 kali dalam al-Quran, di dalam 32 surah berbeza. Perkara-perkara yang dikaitkan dengan barakah di dalam al-Quran ialah Allah, manusia, al-Quran, tempat tertentu, masa tertentu, pohon yang tumbuh di tempat yang diberkati dan air yang suci.

Barakah juga ditakrifkan sebagai "*tetapnya kebaikan kurniaan Tuhan pada sesuatu perkara*". Dengan adanya keberkatan, yang sedikit menjadi banyak; yang kurang menjadi cukup; keadaan menjadi bertambah baik, tanpa sebarang had dan ada kalanya tanpa dirasai dan diketahui sumber kedatangannya. Firman Allah dalam surah Al-A'raf ayat 96 yang bermaksud:

***Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.***

Dalam konteks USIM, hasrat membangunkannya menjadi sebuah Kampus Barakah ini tidak lari daripada moto universiti yang telah sinonim dengan budaya kerja USIM iaitu **Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa**. Malah ia merupakan kemuncak penzahiran matlamat dan dedikasi dan iltizam seluruh warga USIM. Visi dan misi

yang telah dipegang sejak 15 tahun lalu sudah meletakkan warganya pada landasan yang betul dalam menuju ke arah menjadikan USIM sebagai Kampus Barakah.

## **NILAI-NILAI TERAS USIM**

Menjadi satu tanggungjawab bagi institusi pengajian tinggi Islam seperti USIM untuk menzahirkan dan menonjolkan peranan dan kedudukan ilmu di arus perdana. Peranan USIM sebagai universiti boleh dilihat sebagai penyambung legasi tokoh imuan Islam yang telah memperjuangkan pemartabatan ilmu pada zaman mereka. Pendekatan integrasi ilmu *naqli* dan *aqli* akan mengembalikan methodologi keilmuan Islam di dalam ilmu kontemporari. Pendekatan yang dipelopori oleh USIM ini bertujuan menzahirkan tradisi dalam budaya ilmu yang diterokai dan dipimpin oleh orang Islam seawal 1400 tahun dahulu.

USIM telah mengambil berat dan menjadikan ilmu Naqli dan Aqli sebagai falsafah utama USIM di dalam merangka model pendidikan di USIM yang berlandaskan kepada beberapa prinsip asas yang mengintegrasikan Sains Islam dengan Sains Sosial dan Fizikal yang bukan sahaja memberikan pemahaman secara menyeluruh mengenai cabaran global semasa, malah menawarkan kaedah baharu dalam mendekati dan menyelesaikannya. Integrasi ilmu ini bukan sahaja diterapkan di dalam pembangunan program akademik, malah pendekatan ini turut diterapkan di dalam pelaksanaan pentadbiran. Tertubuhnya Pusat Pengajian Ilmu Naqli dan Aqli (PINA) menunjukkan bahawa betapa USIM serius untuk mengketengahkan ilmu yang diwahyukan Allah ke peringkat global ke arah menjadikan USIM sebagai pusat rujukan utama oleh masyarakat antarabangsa. Penglibatan USIM di dalam pensijilan MS1900;2014 (Syariah) di dalam pengurusan Kualiti berasaskan Syariah juga menunjukkan bahawa USIM adalah selari dan patuh Syariah di dalam menjalankan urusan pentadbiran, pengurusan fasiliti termasuklah pembelajaran dan pengajaran.

Justeru kajian ini dijalankan bagi mengetahui perkaitan dan kepentingan ilmu berasaskan Ilmu Naqli dan Aqli di dalam menguruskan organisasi dan sumber manusia di kalangan kakitangan pentadbiran USIM. Kajian ini akan menghasilkan satu model kerangka yang lengkap meliputi pengurusan pentadbiran dan sumber manusia selari dengan falsafah USIM berlandaskan Naqli dan Aqli yang boleh dijadikan sebagai garis panduan kepada kakitangan pentadbiran USIM selaras dengan hasrat Universiti menjadikan USIM sebagai kampus 'Barakah'.

## **DAPATAN KAJIAN DI KALANGAN STAF JABATAN KESELAMATAN USIM**

Dalam kajian ini sebanyak 27 soalan yang berhubung dengan penghayatan Islam yang merangkumi aspek akidah, ibadah dan akhlak telah dikemukakan kepada para responden seramai 42 orang yang terdiri daripada kakitangan pelaksana di Jabatan Keselamatan USIM. Tahap soalan yang dikemukakan adalah pada tahap asas sesuai dengan tahap kemampuan responden serta untuk menilai tahap penghayatan Islam responden berdasarkan matlamat dasar mewujudkan pengurusan yang berdasarkan Aqli dan Naqli.

Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa dalam aspek penghayatan Islam yang merangkumi aspek pengaruh dan persekitaran ditempat kerja, penghayatan kepentingan bekerja dan kepentingan elemen syariah di dalam pekerja. Dapatan kajian daripada soal selidik dibahagikan kepada 3 bahagian supaya Jabatan dapat melihat amalan pengurusan yang sedia ada dan kehendak kakitangan bagi pengurusan yang diperlukan.

## **PERBINCANGAN**

Berdasarkan dapatan kajian dari Aspek Pengaruh dan Persekitaran kerja di tempat kerja mendapati bahawa tahap penghayatan Islam secara keseluruhannya sederhana dan tidak seimbang namun terdapat aspek kesukarelawanan dalam melaksanakan kerja adalah tinggi.

Terdapat kelemahan dalam aspek ibadah dalam kalangan responden yang perlu diperbaiki dan dapatan kajian menunjukkan terdapat kelemahan dari segi penghayatan nilai dalam melakukan sesuatu ibadah dan daripada ibadah inilah yang akan memacu akhlak serta menguatkan iman mereka dalam wujudkan keredaan dalam tugas. Dapatan yang diperoleh daripada kajian, dalam aspek penghayatan ibadah menunjukkan agak rendah dalam kalangan responden dan ini dapat memberikan gambaran tentang wujudnya kaitan yang rapat antara semua aspek penghayatan Islam dalam kajian ini walaupun dilihat dari segi kesanggupan melaksanakan kerja luar waktu pejabat dan luar tugas hakiki agak tinggi. Menurut Hassan Langgulung (1987), *"nilai-nilai Islam dalam diri seseorang mempunyai dua fungsi yang saling bergantung di antara satu sama lain iaitu sebagai hasil pembelajaran dan sekali gus sebagai sebahagian dari proses pembelajaran dan pada masa yang sama tahap penghayatan Islam dalam sesuatu aspek turut memberi kesan terhadap penghayatan Islam yang lain"*.

Dapatan kajian juga mengesahkan pandangan yang telah dikemukakan oleh para sarjana Islam seperti Imam al-Ghazali, Hassan al-Banna, al-Ahwani, al-Syatibi, Muhammad al-Ghazali dan Syed Muhammad Naquib al-Attas yang menyatakan bahawa asas penghayatan Islam harus bermula dari penghayatan tauhid, ibadah, akhlak dan syariat dalam kehidupan Muslim. Sebaliknya berleluasanya gejala keruntuhan akhlak, moral dan tingkah laku buruk pada dasarnya adalah berpunca dari rendahnya tahap keimanan dan penghayatan Islam dalam diri seseorang (Zakaria, 1999).

Elemen lain yang diukur adalah Penghayatan Kepentingan bekerja atau budaya kerja yang wujud di jabatan. Dari segi penghayatan kerja dilihat kejujuran dalam melaksanakan tugas adalah tinggi. Namun dilihat jika ianya melibatkan kerja diberikan ganjaran pangkat, wang dan penghargaan menyebabkan nilai-nilai kebaikan yang wujud pada diri hilang begitu sahaja. Hal ini disebabkan nafsu mengejar perkara dunia melebihi hal akhirat,

Sesungguhnya hawa nafsu merupakan anugerah Allah yang amat besar. Dengan adanya hawa nafsu, hidup ini akan teras indah dan ia juga sebagai hiasan untuk manusia keseluruhannya. Firman Allah dalam Surah Al 'Imran (3:14), *"Dihiasikan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang*

*diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga)".* Dalam kajian ini di dapati hampir 70% dalam kalangan responden yang amat berat untuk meningkatkan kejujuran dan keikhlasan dalam kerja mereka dan mereka lebih cenderung mencari kekayaan harta, pangkat dan wang ringgit semata-mata.

Elemen ketiga yang diukur adalah kefahaman ataupun pandangan terhadap kepentingan elemen syariah dalam tugas yang dilakukan. Hasil yang diperolehi didapati responden berpandangan adalah perlu elemen syariah dilaksanakan dalam pekerjaan. Ini dibuktikan dengan hampir 100% responden bersetuju dengan pandangan bahawa Jabatan perlu mengamalkan konsep Itqaan atau bersungguh-sungguh supaya hasil tugas yang diperolehi adalah terbaik dan berkualiti. Selain itu juga Jabatan adalah perlu mengamalkan maqasid Syariah iaitu agenda utama dalam penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan persekitaraan kerja yang seimbang di Jabatan selain ianya dapat mewujudkan jabatan yang patuh syariah.

Selain itu juga hasil daripada responden beberapa perkara yang dipersetujui iaitu Jabatan perlu melaksanakan pengurusan dengan syura iaitu keputusan secara bersama, supaya ianya dapat menghasilkan keadilan dan kesaksamaan dalam pengagihan tanggungjawab dan amanah kakitangan serta bertawakal kepada Allah SWT agar pengurusan organisasi dapat dilaksanakan sebaiknya. Bagi memastikan kecemerlangan organisasi tercapai kakitangan perlu bersifat ihsan iaitu suka melakukan kebaikan dalam pekerjaan kerana kakitangan ini sentiasa melaksanakan tugas melebihi daripada keperluan minimum. Kewujudan hal ini menyebabkan pelaksanaan pekerjaan yang dilakukan oleh kakitangan bukan sekadar mencari rezki dan kepuasan hidup tetapi meletakkan pekerja sebagai ibadah. Hal ini menyatakan kejayaan dan kesejahteraan di dunia dan akhirat adalah matlamat akhir setelah usaha telah dilakukan oleh kakitangan dalam menjalankan tugas dan amanah.

### MODEL KERANGKA BERASASKAN SYARIAH



Model : Nilai-nilai yang perlu ada dikalangan kakitangan pentadbiran USIM

Hasil daripada kajian keseluruhan dan gabungan antara konsep konvensional dan syariah, dapat disimpulkan bahawa lima unsur utama ini adalah perlu untuk diintegrasikan bagi menghasilkan pekerja dan budaya kerja yang syumul (menyeluruh) dan seterusnya dapat mencetuskan suasana kerja yang harmoni dan menjadikan kerja yang telah dilaksanakan sebagai ibadah. Sesungguhnya gabungan elemen-elemen ini akan menghasilkan 'Barakah' di dalam setiap aspek kehidupan kakitangan Keselamatan USIM.

Justeru, satu model kerangka telah dirumuskan dan ditafsirkan untuk dijadikan penilaian di dalam sistem e-prestasi yang boleh dijadikan ukuran sewaktu proses penilaian kakitangan Jabatan Keselamatan dijalankan. Berikut adalah cadangan model kerangka yang turut boleh dijadikan asas di dalam penilaian tahunan (e-Prestasi) kakitangan Keselamatan.

### PENGHASILAN HASIL KERJA

TAJUK	NILAI SYARIAH	KRITERIA	MARKAH PENILAIAN
<p><b>KUANTITI</b></p>	<p>Surah Al Insyirah:</p> <p>أَلَمْ نَشْرَحْ لَكَ صَدْرَكَ (1) وَوَضَعْنَا عَنَّا وِزْرَكَ (2) الَّذِي أَنْقَضَ ظَهْرَكَ (3) وَرَفَعْنَا لَكَ ذِكْرَكَ (4) فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا (5) إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا (6) فَإِذَا فَرَغْتَ فَأَنْصَبْ (7) وَإِلَىٰ رَبِّكَ فَارْغَبْ (8)</p> <p>Yang bermaksud :  <i>"Bukankah Kami telah melapangkan untukmu dadamu?,(1) Dan Kami telah menghilangkan dari padamu bebanmu,(2) yang memberatkan punggungmu? (3) Dan Kami tinggikan bagimu sebutan (nama)mu. (4) Karena sesungguhnya sesudah kesulitan itu ada kemudahan, (5) sesungguhnya sesudah kesulitan itu ada kemudahan.(6) Maka apabila kamu telah selesai (dari sesuatu urusan), kerjakanlah dengan sungguh-sungguh (urusan) yang lain, (7) dan hanya kepada Tuhanmulah hendaknya kamu berharap. (8)</i></p>	<p>Kuantiti hasil kerja seperti jumlah, bilangan, kadar, kekerapan dan sebagainya berbanding dengan sasaran</p> <p>Kuantiti kerja yang ditetapkan. Hasil penilaian merangkumi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Rekod jadual shif</li> <li>2. Tuntutan kerja lebih masa</li> <li>3. Kepelbagaian pos</li> </ol>	<p>Ditarik dari sistem e-Sekata</p>



<p><b>AMANAH DAN MEMENUHI TANGGUNGJAWAB</b></p>	<p>Al-Quran: Al-Anfaal 8:27  يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا لَا تَخُوْنُوْا اللّٰهَ وَالرَّسُوْلَ وَتَخُوْنُوْا اَنْفُسِكُمْ وَاَنْتُمْ تَعْلَمُوْنَ ﴿٢٧﴾</p> <p><i>Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).</i></p>	<p>Dinilai dari segi kesediaan menerima tugas sebagai satu amanah yang perlu ditunaikan dengan pelaksanaan yang bersungguh-sungguh, penuh akauntabiliti, tekun dan berintegriti.</p> <p>Hasil penilaian merangkumi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Rekod kesalahan.</li> <li>2. Teguran / Amaran</li> </ol>	<p>e-Nilai daripada pemilik taruh dan rakan sekerja.</p>
<p><b>KUALITI</b></p>	<p>Hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bayhaqi r.a. melalui Saydatina 'Aisyah r.a. iaitu:  <i>"Sesungguhnya Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda yang bermaksud: Sesungguhnya Allah menyukai sekiranya seseorang melakukan sesuatu perbuatan secara Itqaan atau bersungguh-sungguh (sempurna)".</i></p>	<p>Dinilai dari segi usaha dan inisiatif di dalam mencapai Itqaan (kesempurnaan) amatlah dititikberatkan oleh kakitangan dengan harapan memperoleh hasil yang terbaik dan berkualiti.</p>	<p>e-Nilai daripada pemilik taruh dan rakan sekerja.</p>
<p><b>KETEPATAN MASA DAN MENUNAIKAN JANJI</b></p>	<p>Al-Quran: al-Baqarah: 40  يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا اذْكُرُوْا نِعْمَتِيَ الَّتِيْ اَنْعَمْتُ عَلَيْكُمْ وَاَوْفُوا بِعَهْدِيْ اَوْفٍ بِعَهْدِكُمْ وَاِيَّايَ فَاَرْهَبُوْنَ</p> <p><i>"Wahai Bani Israel! Kenangkanlah kamu akan segala nikmat yang telah Kuberikan kepada kamu dan sempurnakan perjanjian (kamu) dengan-Ku, supaya Aku sempurnakan perjanjian-Ku dengan kamu dan kepada Akulah sahaja hendaknya kamu merasa gerun takut (bukan kepada sesuatu yang lain)."</i></p>	<p>Kebolehan menghasilkan kerja atau melaksanakan tugas dalam tempoh masa yang ditetapkan.</p> <p>Kehadiran mengikut jadual kerja yang telah ditetapkan</p> <p>Hasil penilaian merangkumi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Rekod jadual shif</li> <li>2. Penetapan KPI</li> </ol>	<p>Ditarik dari sistem MyAkrab</p>

<b>KEBERKESANAN HASIL KERJA</b>	<p>At-Taubah: 105 yang artinya: <i>“Dan Katakanlah: Bekerjalah kamu, Maka Allah dan rasul-Nya serta orang-orang mukmin akan melihat pekerjaanmu itu, dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang mengetahui akan yang ghaib dan yang nyata, lalu diberitakan-Nya kepada kamu apa yang Telah kamu kerjakan”.</i></p>	<p>Dinilai dari segi memenuhi kehendak ‘stake-holder’ atau pelanggan. Kebolehan menghasilkan kerja atau melaksanakan tugas dalam tempoh masa yang ditetapkan.</p> <p>Hasil penilaian merangkumi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penetapan KPI</li> </ol>	<p>e-Nilai daripada pemilik taruh dan rakan sekerja.</p>
---------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------

## KUALITI PERIBADI

TAJUK	NILAI SYARIAH	KRITERIA	MARKAH PENILAIAN
<b>KEPEMIMPINAN</b>	<p>An-nisa ayat 59 dan surah Al-maidah ayat 49.</p> <p style="text-align: center;"> يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا </p> <p>Yang bermaksud:  Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasulny dan ulil Amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah dan rasulnya, jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih baik bagimu dan lebih baik akibatnya.</p>	<p>Mempunyai wawasan, komitmen, kebolehan membuat keputusan, menggerak dan memberi dorongan kepada pegawai ke arah pencapaian objektif organisasi.</p> <p>Hasil penilaian merangkumi :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bimbingan kepada rakan sekerja</li> <li>2. Pelaksanaan program</li> </ol>	<p>e-Nilai daripada pemilik taruh dan rakan sekerja</p>

<p><b>KEBOLEHAN MENGELOLA</b></p>	<p>عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :  <b>((إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ))  <b>((أَحَدَكُمْ عَمَلًا أَنْ يَتَّقِنَهُ))</b></b></p> <p><i>“Aishah R.A meriwayatkan bahwa Rasulullah SAW bersabda : Sesungguhnya Allah Taala mengasihi seseorang hamba itu apabila membuat sesuatu kerja, ia melakukan dengan bersungguh-sungguh”.</i></p>	<p>Dinilai dari segi kesungguhan dan berupaya untuk mengelola setiap tugas dan amanah kerja yang telah diberikan dengan sempurna.</p> <p>Hasil penilaian merangkumi :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bimbingan kepada rakan sekerja</li> <li>2. Pelaksanaan program</li> </ol>	<p>e-Nilai daripada pemilik taruh dan rakan sekerja</p>
<p><b>DISIPLIN</b></p>	<p>Surat Al-Anfal ayat 46</p> <p>وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَتَازَعُوا فِتْئَانًا وَتَذَهَبَ رِيحَكُمْ</p> <p><i>Yang bermaksud: Dan taatlah kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu berbantah-bantahan, yang menyebabkan kamu menjadi gentar dan hilang kekuatanmu dan bersabarlah. Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar. (Q.S. al-Anfal: 46)</i></p>	<p>Mempunyai daya kawal diri dari segi mental dan fizikal termasuk mematuhi peraturan, menepati masa, menunaikan janji dan bersifat sabar.</p> <p>Hasil penilaian merangkumi :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Rekod Baris</li> <li>2. Rekod Kehadiran</li> <li>3. Kesalahan Tatatertib</li> <li>4. Kekemasan</li> </ol>	<p>Ditarik dari sistem MyAkrab</p>
<p><b>KREATIF DAN PROAKTIF</b></p>	<p>إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ</p> <p><i>Yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri” (Al-Ra’d 13:11).</i></p>	<p>Dinilai dari segi kesungguhan kakitangan untuk melakukan perubahan dan seterusnya membangun diri mereka ke arah yang lebih baik.</p> <p>Hasil penilaian merangkumi :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Maklumbalas Idea</li> <li>2. Sumbangan Pembangunan Jabatan</li> <li>3. Ujian Fizikal</li> </ol>	<p>e-Nilai daripada pemilik taruh dan rakan sekerja</p>

<p><b>JALINAN HUBUNGAN DAN KERJASAMA</b></p>	<p>Surah <i>al Hujurât</i> ayat 13:</p> <p>يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ</p> <p>Yang bermaksud :  “Hai manusia, Sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa - bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling taqwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Mengenal”.</p>	<p>Kebolehan pegawai dalam mewujudkan suasana kerjasama yang harmoni dan mesra serta boleh menyesuaikan diri dalam semua keadaan.</p> <p>Hasil penilaian merangkumi :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kerjasama rakan setugas</li> <li>2. Jaringan masyarakat dan organisasi</li> </ol>	<p>e-Nilai daripada pemilik taruh dan rakan sekerja</p>
<p><b>ETIKA DAN AKHLAK</b></p>	<p>Rasulullah SAW ada menegaskan dalam sebuah hadith:</p> <p>"اكمل المؤمنین ایمانا أحسانهم خلقاً"</p> <p>Maksudnya: “Paling sempurna iman seseorang mu'min itu adalah yang paling baik akhlaknya” (Al-Munawi 1972).</p>	<p>Dinilai dari segi akhlak dan ketrampilan kakitangan dengan orang lain semasa menjalankan tugas.</p> <p>Hasil penilaian merangkumi :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penampilan serta kekemasan</li> <li>2. Komunikasi</li> <li>3. Pematuhan pelaksanaan penugasan</li> </ol>	<p>e-Nilai daripada pemilik taruh dan rakan sekerja</p>

## PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN

TAJUK	NILAI SYARIAH	KRITERIA	MARKAH PENILAIAN
<b>ILMU PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN DALAM BIDANG KERJA</b>	<p>Surah Al-Mujadalah ayat 11</p> <p>يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ</p> <p>Yang bermaksud : Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antaramu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa derajat (Q.s. al-Mujadalah : 11)</p>	<p>Mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran / kepakaran dalam menghasilkan kerja meliputi kebolehan mengenalpasti, menganalisis serta menyelesaikan masalah.</p> <p>Hasil penilaian merangkumi :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ujian Lisan</li> <li>2. Ujian Bertulis mengenai Universiti dan Penugasan</li> </ol>	<p>Ditarik daripada sistem MyTrams</p> <p>Keputusan Ujian Penilaian</p>
<b>PELAKSANAAN DASAR, PERATURAN DAN ARAHAN PENTADBIRAN</b>	<p>Surat An-Nisa' ayat 59</p> <p>يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ أَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ</p> <p>Yang bermaksud: Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul-Nya, dan ulil amri diantara kamu. (TQS. an-Nisa [4]: 59)</p>	<p>Kebolehan menghayati dan melaksanakan dasar, peraturan dan arahan pentadbiran berkaitan dengan bidang tugasnya.</p> <p>Hasil penilaian merangkumi :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penguatkuasaan Peraturan merokok, lalulintas, etika pakaian</li> <li>2. Pelaksanaan tugas</li> </ol>	<p>Jumlah aktiviti penguatkuasaan Beserta jumlah saman yang dikeluarkan</p>

<p><b>KEBERKESANAN KOMUNIKASI</b></p>	<p>Surah An Nisa ayat 63</p> <p>أُولَئِكَ الَّذِينَ يَعْلَمُ اللَّهُ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ وَعِظْهُمْ وَقُلْ لَهُمْ فِي أَنفُسِهِمْ قَوْلًا بَلِيغًا</p> <p>Yang bermaksud:  <i>“Mereka itu adalah orang-orang yang Allah mengetahui apa yang di dalam hati mereka. karena itu berpalinglah kamu dari mereka, dan berilah mereka pelajaran, dan katakanlah kepada mereka Qaulan Baligha – perkataan yang berbekas pada jiwa mereka”.</i></p>	<p>Kebolehan menyampaikan maksud, pendapat, kefahaman atau arahan secara lisan dan tulisan berkaitan dengan bidang tugas merangkumi penguasaan bahasa melalui tulisan dan lisan dengan menggunakan tatabahasa dan persembahan yang baik.</p> <p>Hasil penilaian merangkumi :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ujian Lisan</li> <li>2. Ujian Bertulis mengenai Universiti dan Penugasan</li> </ol>	<p>Keputusan Ujian Penilaian</p>
---------------------------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	----------------------------------

## KESIMPULAN

Pekerjaan yang dilakukan di dunia ini bukanlah sekadar mencari rezeki dan kepuasan hidup tetapi meletakkan pekerjaan sebagai satu ibadat yang akan nanti memperoleh ketinggian darjat (martabat) keinsanan di dunia mahupun di akhirat nanti. Benarlah firman Allah (s.w.t) dalam Al-Quran (6:132) yang bermaksud:

“Dan bagi tiap-tiap seorang (dari manusia atau jin), beberapa darjat (tingkatan balasan) disebabkan (amal baik atau jahat) yang mereka telah kerjakan; dan (ingatlah) Tuhanmu tiadalah lalai dari apa yang mereka lakukan”.

Dalam Al-Quran (84:6) juga ditegaskan dengan maksudnya: “Wahai manusia! Sesungguhnya engkau sentiasa berpenat-lelah (menjalankan keadaan hidupmu) dengan sedaya upayamu hinggalah (semasa engkau) kembali kepada Tuhanmu, kemudian engkau tetap menemui balasan apa yang engkau telah usahakan itu (tercatat semuanya)”.

## RUJUKAN

(Bharudin Che Pa, 2010)

GJAT | JUNE 2013 | VOL 3 ISSUE 1 | 76 ISSN : 2232-0474 | E-ISSN : 2232-0482

www.gjat.my. This journal is a member of and subscribes to the principles of the Committee on Publication Ethics (COPE)

Hassan Langgulung. (1987). Pendidikan Islam menghadapi abad 21. Shah Alam: Hizbi Publication.

Ilhaamie (2001), Pengurusan Dari Perspektif Islam, Kuala Lumpur, Jumal Syariah, 9:2 [2001] 85-102

Prof. Dr. Muhammad 'Abd al-Ra'uf (1987), Management and Administration from an Islamic Perspective, First Edition, Kuala Lumpur: Islamic Affairs Division, Prime Ministers Department, hlm. 2

Shaharom TM Sulaiman (1997), Pengurusan Islam dan Pembangunan Manusia, Batu Caves: Thinker's Library, him. 4-5.

Zakaria Stapa. (1999). Akidah dan akhlak dalam kehidupan Muslim. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution. Sdn BRUJUKAN

Nik Mohamed Hussein Nik Ali. (06 April 2013). *Rakyat Malaysia Malas Membaca*. Dimuat turun pada 01 November 2015 daripada [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20130406/ke\\_02/Rakyat-Malaysia-malas-membaca](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20130406/ke_02/Rakyat-Malaysia-malas-membaca)